

IMPLIKASI MERANTAU TERHADAP PERKEMBANGAN SOSIOBUDAYA ORANG MELAYU DALAM SEJARAH KESUSASTERAAN MELAYU KLASIK

SITI KHARIAH MOHD ZUBIR
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Merantau bermaksud berjalan, belayar atau mengembara mencari penghidupan di tempat lain. Dalam sejarah kesusasteraan Indonesia ada menyatakan bahawa dalam tradisi budaya Minangkabau, pergi merantau hampir merupakan suatu kewajipan bagi anak muda yang berusia dalam lingkungan dua puluh ke tiga puluh tahun untuk memperbaiki kondisi kewangan bagi memenuhi tanggungjawab keluarga. Jika tidak dijalankan, si anak muda akan menjadi bahan cemoohan oleh masyarakat sekeliling. Sosiobudaya pula membawa pengertian yang amat luas meliputi seluruh kehidupan manusia yang menjadi amalan secara berterusan dalam sebuah masyarakat. Merantau intra wilayah sudah berlaku di alam Melayu sebelum zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kerajaan maritim Asia Tenggara menjadi pusat pertemuan pelbagai bangsa pada era zaman perdagangan abad ke-12 hingga abad ke-14 Masihi. Pergerakan plural masyarakat telah mewujudkan hubungan etnik yang erat menerusi pelbagai aktiviti perdagangan. Dalam kajian, teori sejarah digunakan untuk menganalisis dan meninjau implikasi merantau terhadap perkembangan sosiobudaya orang Melayu dalam sejarah kesusasteraan Melayu klasik.

PENGENALAN

Satu corak kesusasteraan Melayu lama yang mempunyai sifat-sifat tempatan dari segi isinya ialah hasil-hasil kesusasteraan yang bercorak sejarah. Hasil-hasil penulis sastera Melayu lama yang bersifat demikian sering digolongkan oleh para sarjana sastera

Melayu sebagai sastera sejarah. Secara am, karya-karya sastera sejarah ini menceritakan kisah kegemilangan negara-negara Melayu lama. Sastera sejarah terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan bahagian yang bersifat mitos dan dongeng. Isinya menceritakan keadaan dahulu kala, asal-usul raja-raja dalam sesebuah negara atau permulaan berlakunya adat istiadat dan sebagainya. Ia memaparkan sejarah bagi sesebuah negara. Umpamanya *Hikayat Raja-Raja Pasai* yang mengisahkan negara Pasai, *Sejarah Melayu* mengisahkan keagungan Melaka, *Hikayat Aceh* menceritakan Aceh dan begitulah seterusnya.

Mohd Taib Osman (1964:32) menyatakan bahawa karya-karya sastera sejarah hanya dapat digunakan untuk memberi gambaran peradaban masyarakat, konsep beraja dan corak pemerintahan pada zaman itu. Dalam sastera sejarah hanya "kebenaran" (*reality*) menjadi sesuatu yang diragukan. Ia tidak dapat dikatakan sebagai kebenaran yang subjektif. Kebenaran itu dilihat dari kaca mata raja yang memerintah. Ini menyebabkan para Orientalis Barat terutamanya J.C. Battoms, Winstedt dan Wilkinson menolak karya-karya sastera sejarah sebagai suatu sumber sejarah yang dapat mengakhiri kebenaran fakta-fakta sejarahnya.

Zahrah Ibrahim (1986:x) menyatakan bahawa karya-karya sastera sejarah ini ditulis dalam bentuk sastera tetapi cerita di dalamnya juga mengandungi fakta-fakta sejarah terutama dari segi nama pelakunya, latar tempat dan latar masa. Ia mengisahkan kejadian-kejadian yang berlaku pada zaman dahulu atau mengisahkan jurai kebenaran raja-raja dalam sesebuah negara.

Sastera sejarah klasik mempunyai satu cabang kesusasteraan yang amat menarik. Sekiranya kita mengetahui sifat-sifat penulisan sastera sejarah, kita akan memperoleh banyak bahan mengenai watak bangsa Melayu serta undang-undang dan adat istiadat. Hoesein Djajadiningrat (1965:75-76) menjelaskan bahawa sastera sejarah Melayu Klasik yang disebut sebagai tradisi tempatan (*local tradition*) adalah sumber sejarah yang berharga. Contoh, tanpa hikayat raja-raja Pasai kita tidak akan mengetahui siapa dia tokoh Malikus Salleh.

Peradaban dan martabat sesuatu bangsa itu dapat dilihat melalui karya-karya tradisional atau klasik yang dimilikinya. Bangsa Melayu tidak terkecuali dalam hal ini, kita juga memiliki khazanah bangsa yang amat bernilai. Karya-karya sastera Melayu klasik adalah pancaran kehidupan masyarakat Melayu yang meliputi sejarah dan budaya Melayu. Secara ringkas dapat dilihat betapa rapatnya hubungan ini dan perwatakan dalam karya-karya sastera klasik ini dengan manusia dan kemanusiaan masyarakat yang melahirkannya. Karya-karya sastera Melayu klasik ini memberikan satu arah dalam menilai

persepsi dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Karya-karya ini adalah wadah dan sarana untuk menyatukan dunia masyarakat dan zamannya.

Dalam sejarah kesusasteraan Melayu klasik banyak ditonjolkan cerita-cerita tentang pengembaraan sama ada melalui darat ataupun laut “mengembara” atau “merantau” merupakan satu cara hidup untuk menaiktarafkan tradisi kewangan seseorang. Dalam sejarah kesusasteraan Indonesia ada menyatakan bahawa budaya orang Minangkabau mengamalkan cara hidup merantau untuk memperbaiki taraf hidup, biasanya anak muda yang berusia 20 ke 30 tahun. Ketika itu mereka biasanya di alam transisi, dari alam remaja ke alam rumah tangga. Mereka juga perlu mempunyai kedudukan kewangan yang stabil untuk menyara isteri. Dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis dan meninjau implikasi merantau terhadap perkembangan sosiobudaya orang Melayu dalam sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik.

KONSEP MERANTAU

Dalam *Kamus Dewan* (1989:1026) menyatakan bahawa merantau bermaksud berjalan, belayar atau mengembara mencari penghidupan ke *negeri-negeri* yang tidak berapa jauh dari negeri asal. *Kamus Besar Bahasa Indonesia III* (2009:1364) mendefinisikan merantau, iaitu belayar atau mencari penghidupan di tanah rantau atau pergi ke negeri lain. *Wikipedia* pula memberikan makna merantau sebagai perginya seseorang dari tempat ia dilahirkan ke daerah lain untuk mencari pekerjaan atau pengalaman.

Menurut “Hikayat Manusia” (<http://hikayatmanusia.wordpress.com/20/10/08/02/definisi-merantau>) menyatakan bahawa dalam tradisi Minangkabau, setiap anak laki-laki suatu hari akan pergi meninggalkan tanah kelahiran mereka, dan berjalan mencari pengalaman hidup. Pengalaman hidup yang akan membuatnya menjadi lelaki sejati. Perjalanan mencari pengalaman hidup ini adalah merantau.

Merantau ialah perkataan dalam bahasa Melayu, manakala hijrah adalah perkataan dalam bahasa Arab. Kedua-dua perkataan ini membawa maksud yang sama. Hijrah merupakan titik tolak terbentuknya daulah Islamiah dan pengeluaran manusia dari kegelapan menuju cahaya (<http://id.shvoong.com/writing-and-speaking/2067477-definisi-hijrah/>). Lebih tegas lagi, hijrah adalah keluar dari satu wilayah yang sistemnya kufur dan keamanannya di tangan kaum kafir (*dar-al-kufr*) masuk ke dalam sistem aturan Islam dan keamanannya berada di tangan kaum muslim (*dar-al-islam*). Contohnya, sejak berhijrah ke Madinah, Rasulullah SWT sebagai kepala negara menerapkan rukun-rukun Islam untuk berpindah *dar-al-muhajirin*.

KONSEP SOSIOBUDAYA

Apabila memperkatakan mengenai sosial, ia bermakna segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat atau perkara-perkara yang bersangkutan dengan kemasyarakatan. Sosial juga bermaksud perkara-perkara yang berkaitan dengan kemasyarakatan. Sosial juga bermaksud perkara yang bersangkutan dengan sikap laku manusia dalam menghadapi masyarakat. Wan Azmi Ramli (1992:17) menyatakan maksud sosial ialah perkara yang berkaitan dengan peraturan-peraturan, kaedah-kaedah perangai dan tingkah laku sedemikian mungkin dimantapkan melalui undang-undang atau ikutan adat susila masyarakatnya dengan mengikut satu etika pada waktu itu. M. Munandar M.S (1986) menyatakan masalah sosial ini timbul akibat daripada hubungan sesama manusia lainnya dan akibat tingkah lakunya. Masalah sosial ini tidaklah sama antara masyarakat dengan yang lain kerana adanya perbezaan dalam tingkat perkembangan kebudayaan, sifat kependudukannya dan keadaan lingkungan alamnya.

Budaya bermaksud tamadun, peradaban, cara berkelakuan atau kemajuan. Kebudayaan pula bermakna keseluruhan cara hidup yang merangkumi cara bertindak berkelakuan dan berfikiran sesuatu segala hasil kegiatan dan penciptaan berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat. Sidi Gazalba (1968:44) mentafsirkan budaya sebagai cara berfikir dan cara merasa yang menyatukan diri dalam seluruh kehidupan manusia yang membantu kesatuan sosial, dalam sesuatu ruang dan waktu. Wan Azmi Ramli (1992:31) pula berpendapat kebudayaan berasal daripada dua perkataan "budi" dan "daya". Budi membawa maksud sumbangan akal fikiran, pengertian dan fahaman. Daya pula membawa erti ikhtiar dan kesanggupan. Oleh itu, erti kebudayaan mencakupi segala sumbangan upaya dan daya usaha yang dikerjakan dengan menggunakan hasil pendapat budi, untuk memperbaiki sesuatu dengan tujuan mencapai kesempurnaan.

Mohd Taib Osman (1988:3) pula berpendapat bahawa konsep budaya sebagai cara hidup yang menyeluruh seperti yang dikonsepkkan pada sebuah masyarakat sederhana kecil dan terpencil serta tidak dapat dipakai. Ramli Isin (1997:106) pula membicarakan sosial dan budaya sebagai fenomena yang bersangkut paut dengan amalan serta kepercayaan yang bersifat keagamaan dan juga kepercayaan-kepercayaan khurafat atau tahyul yang masih menjadi amalan hingga hari ini dan ternyata bertentangan dengan ajaran Islam yang suci.

Sosiobudaya membawa pengertian yang luas meliputi seluruh kehidupan manusia yang menjadi amalan secara berterusan dalam sesebuah masyarakat. *Kamus Za'ba* (2001:1066) mendefinisikan sosiobudaya sebagai hubungan yang terjalin antara

masyarakat dengan budaya seperti cara hidup, adat istiadat dan lain-lain. Kesimpulannya, bidang sosiobudaya mencakupi semua aspek amalan hidup bersangkutan gaya hidup dan peradaban sesuatu masyarakat, menyentuh bidang akhlak dalam pergaulan, kebudayaan dan kesenian, kesukanan, pendidikan, upacara dan sambutan, perayaan dan akhlak masyarakat dalam pengurusan urus niaga dan penyairan.

TEORI SEJARAH

Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan teori sejarah yang diperkenalkan oleh Wilbur Scott (1962). Pada awalnya Scott, membina kesimpulan tentang sesuatu peristiwa dan perkembangannya. Kesimpulan ini dibuat dengan menjalankan penerangan tentang sebab, akibat dan bagaimana sesuatu peristiwa lepas dan perkembangan tersebut terjadi. Scott cuba untuk menerangkan bagaimana sesuatu peristiwa yang lepas cuba mempengaruhi masa kini. Adalah amat diharapkan bahawa maklumat-maklumat yang diperolehi melalui penyelidikan sejarah, dapat mengetahui dan mengenal pasti apa yang ada pada hari ini dan seterusnya memiliki asas yang teguh dan boleh diterima untuk menjangkakan peristiwa dan perkembangan pentadbiran negara pada masa akan datang.

Dalam teori sejarah, kesimpulan tentang kejadian-kejadian yang telah berlaku pada masa lalu dilaksanakan berpandukan fakta dan bukti yang telah dikumpulkan. Penyelidikan jenis ini secara tersusun dan kemas dilaksanakan untuk mengetahui permasalahan, mengenal pasti tempat, mengumpul bukti-bukti dan bahan serta menjelaskan bukti-bukti. Bahan-bahan tersebut digunakan untuk memperoleh jawapan dan penerangan berhubung sesuatu peristiwa dan perkembangannya.

Setelah itu, Scott menyatakan bahawa penyelidikan sejarah yang menggunakan teori kajiannya, pengkaji tidak terlibat secara langsung dengan perkembangan peristiwa yang dikaji. Pengkaji hanya perlu menentukan masalah, sumber bukti, mengumpul bukti, membuat kritikan ke atas bukti, dan membuat rumusan tentang sesuatu peristiwa yang berlaku. Penyelidik boleh melakukan penyelidikan dari tempat dan situasi yang berbeza dari suatu peristiwa, perkembangan dan pengalaman yang berlaku. Penyelidikan jenis ini juga membolehkan penyelidik melakukan penyelidikan dari tempat dan situasi peristiwa, perkembangan dan pengalaman yang berlaku. Penyelidikan sejarah juga tidak boleh mempengaruhi subjek. Perkaitan antara subjek dengan penyelidik ialah tidak akan wujud permasalahan pengaruh. Penyelidikan sejarah juga merupakan penyelidikan yang lebih mudah dilaksanakan sekiranya dibandingkan kaedah-kaedah penyelidikan yang lain disebabkan kurang pengaruh birokrasi.

Dalam teori sejarah yang *multidimensional* mengungkapkan hal-hal seperti keadaan sosial, budaya dan kepercayaan yang mempunyai asas dalam kehidupan masyarakat. Dalam penulisan sejarah yang *multidimensional* menggunakan deskriptif analisis yang berusaha menguraikan kesulitan, faktor-faktor keadaan dan *determinasi* dari suatu peristiwa dengan menggunakan teori *multidimensional* maka dalam penulisan sejarah akan mendekati realitinya.

Salah satu dari konsep sejarah *multidimensional* adalah menggunakan konsep teori-teori sosial khususnya teori struktural. Dalam suatu peristiwa sejarah mesti terdapat aspek sosial di dalamnya. Dalam hal ini teori sosiologi penting untuk mengungkapkan peristiwa sejarah tersebut. Penggunaan konsep sosiologi sebagai ilmu bantu sejarah mampu mengungkap keadaan sosial dan struktur masyarakat dalam kajian sejarah.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa kesempurnaan sesuatu kajian adalah berkait rapat dengan ketepatan kaedah penyelidikan dan kesahan kajian yang digunakan dan diperolehi. Setiap analisis yang dilakukan adalah dengan suatu tujuan iaitu untuk memenuhi seberapa banyak maklumat yang berkaitan. Maklumat ini sangat diperlukan untuk melengkapkan kajian. Kesemua maklumat yang diperolehi akan dianalisis.

Implikasi Merantau Terhadap Perkembangan Sosiobudaya Orang Melayu dalam Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik

Sejarah kesusasteraan Melayu klasik mengandungi karya-karya sastera sejarah. Karya-karya sastera sejarah ditulis dalam bentuk sastera tetapi cerita di dalamnya juga mengandungi fakta sejarah terutamanya dari segi nama pelaku, latar tempat dan latar masa. Ia mengisahkan kejadian-kejadian yang berlaku pada zaman dahulu atau mengisahkan jurai keturunan raja-raja dalam sesebuah negeri. Perbezaan penulisan sejarah ini dengan cerita-cerita hikayat ialah cerita hikayat mengandungi unsur-unsur khayalan atau imaginasi semata-mata.

Sastera sejarah juga menggambarkan kemelayuan dan struktur masyarakat lama, satu golongan masyarakat yang mempunyai perasaan, sikap, kepercayaan dan cita-cita sesuai dengan kehendak zaman. Perkara yang sering ditegaskan dalam sastera sejarah ialah orang Melayu pantang derhaka. Hal ini juga tidak kurang pentingnya dengan raja mesti adil memerintah. Sekiranya gagal, negerinya akan hancur. Oleh itu, kita harus mengkaji karya-karya yang bercorak sejarah ini dengan pandangan yang lebih terbuka. Bagi Snouck Hurgronje, sastera sejarah adalah satu cabang kesusasteraan

yang amat menarik. Sekiranya kita mengetahui sifat penulisan sastera sejarah, kita akan memperolehi banyak bahan mengenai watak bangsa Melayu, undang-undang dan adat istiadatnya, termasuk perkara yang berkaitan dengan “merantau”.

Masyarakat Melayu ialah masyarakat asal di Tanah Melayu. Walaupun ada sesetengah sejarawan khususnya sejarawan Barat era kolonial mendakwa masyarakat Melayu juga masyarakat pendatang, namun ianya dinafikan dengan mengetengahkan konsep “merantau” yang menjadi amalan masyarakat Melayu di Nusantara ketika itu.

Merantau atau penghijrahan intra wilayah sebelum zaman Kesultanan Melayu Melaka berlaku dari pelbagai tempat secara luaran atau dalaman <http://www.scribbr.com/doc/37242193/bab2masyarakatmalaysiaadalahsejarah-09111702..1/6/2011>. Kerajaan Maritim Asia Tenggara menjadi pusat pertemuan pelbagai bangsa pada era zaman perdagangan (abad ke-12 dan 14 Masihi). Pengenalan plural masyarakat telah wujud hubungan etnik yang erat menerusi pelbagai aktiviti terutamanya aktiviti perdagangan.

Harun Mat Piah dalam Zalila Sharif dan Jamilah/semak Haji Ahmad (1993:27) ada menyatakan bahawa menurut satu laporan sejarah China pada tahun 977, seorang utusan beragama Islam bernama Pu Ali (Abu Ali) telah mengunjungi negara China, mewakili sebuah negara di Alam Melayu, Poni iaitu nama bagi kerajaan Brunei Lama. Selain daripada menjadi seorang utusan Abu Ali yang juga merupakan seorang perantau atau pengembara untuk mencari atau meninjau cara hidup orang-orang di negara China pada zaman itu.

Dalam zaman kerajaan Melayu Melaka konsep “merantau” atau hijrah diperkenalkan dengan lebih luas lagi. Ketika itu, Melaka sebagai sebuah pusat pelabuhan dan kota perdagangan tidak sahaja berkembang sebagai pusat kegiatan Islam tetapi juga berpengaruh dalam pelbagai bidang pengetahuan khususnya Islam. Dalam keunikan inilah bidang kesusasteraan juga turut berkembang pada masa itu. Harun Mat Piah (1993:44) dalam Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad ada menyatakan bahawa merantau untuk menyebarkan budaya ilmu ke negeri jiran yang berhubung dengannya. Kerajaan Melaka pada ketika itu ada menghantar dua orang yang namanya tidak disebut untuk pergi ke Jawa, Brunei dan Sulu untuk merantau. Pelajar dari Jawa, Brunei dan Sulu datang merantau ke Melaka untuk menuntut ilmu pengetahuan, misalnya Sunan Bonang dan Sunan Giri pernah mengembara ke Melaka untuk menuntut ilmu pengetahuan agama Islam pada akhir abad ke-15. Implikasi kepada kedatangan agama Islam telah merubah Melaka sebagai pusat kemasyarakatan dan perkembangan Islam yang tersohor di Alam Melayu.

Ahmad Shah Mohd Nor (1986:19) dalam Zahrah Ibrahim menyatakan bahawa *Hikayat Raja-Raja Pasai* bermula ceritanya dengan tersebarnya agama Islam di Sumatera Utara, iaitu Pasai. Peristiwa ini berlaku sekitar tahun 1250, hingga tahun 1292. Marco Polo perantau atau pengembara singgah di pelabuhan tidak begitu jauh dari Pasai, menyatakan bahawa penduduk kota itu semuanya menganut agama Islam. Marco Polo merantau untuk mencari hasil mahsul yang terdapat di Nusantara untuk dibawa balik ke negaranya di Barat.

Harun Mat Piah, Ismail Hamid, dan Siti Hawa Salleh et.al (2006:340) menyatakan bahawa tidak dapat tidak sesebuah karya sastera sejarah akan mengandungi kisah pembukaan negeri. Di sini jelas terangkum betapa tidak bermakna seseorang raja jika ia tidak mempunyai negeri. Sebab-sebab tertentu dikemukakan supaya raja mencari sesuatu kawasan baru yang sesuai untuk diperintah atau keluar dari negeri asalnya untuk "merantau" bagi membuka negeri baharu. *Sejarah Melayu* mengemukakan kisah bagaimana Sang Sapurba berangkat atau "merantau" dengan diiringi oleh Demang Lebar Daun dari satu tempat ke satu tempat hingga akhirnya sampai ke Minangkabau. Ketika itu Minangkabau tiada beraja maka para pembesar bersetuju menabalkan Sang Sapurba sebagai raja mereka. Peristiwa ini bertepatan dengan teori sejarah dalam sastera yang diperkenalkan oleh Wilbert Scott (1962).

Dalam teori sejarah pada awalnya Wilbert Scott memberi kesimpulan tentang sesuatu peristiwa dan perkembangannya. Kesimpulan yang dibuat dengan menjelaskan penerangan tentang sebab, akibat dan bagaimana sesuatu peristiwa lepas terjadi dan berkembang. Implikasi dan peristiwa ini telah mengubah cara hidup atau sosiobudaya Sang Sapurba yang menjadi raja dan orang-orangnya bercampur gaul di antara adat negeri yang dibawa oleh Sang Sapurba dengan adat negeri Minangkabau. Pencampuran sosiobudaya ini menghasilkan satu sosiobudaya yang baru.

Dalam *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* ada diceritakan sedikit kisah *Hikayat Banjar*. Dalam hikayat ini Saudagar Mengkubumi menasihati puteranya Ampujatmaha supaya meninggalkan negeri Keling dan pergi merantau untuk mencari tempat bagi menubuhkan negeri baru. Dengan cara demikian boleh mengelakkannya menjadi sasaran hasad dengki. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa teori sejarah bertepatan dengan peristiwa dalam *Hikayat Banjar*. Dalam teori sejarah yang *multidimensional*, mengungkapkan hal-hal keadaan sosial, budaya dan kepercayaan yang mempunyai asas dalam kehidupan masyarakat. Penulisan sejarah *multidimensional* yang menggunakan deskriptif analisis berusaha menghuraikan kesulitanan fakta-fakta dan keadaan yang ditemui daripada suatu peristiwa.

Apabila diselidiki secara mendalam, konsep merantau yang diamalkan oleh generasi zaman dahulu ada membawa implikasi yang baik. Daripada peristiwa merantau itulah seseorang dapat memperbaiki diri, keluarga dan juga pengikut-pengikut, sekiranya dia menjadi ketua. Adat resam juga boleh dikembangkan dengan mencampurkan adat resam orang yang pergi merantau dengan tempat dia pergi merantau. Sosiobudaya hidup semakin berkembang dan bertambah baik. Dalam *Hikayat Raja Pasai*, Samudera diperintah oleh Merah Silau. Berita Merah Silau menjadi raja tersebar hingga ke Makkah.

Di Mekah, Khalifah Syarif menyuruh Syarif Syeikh Ismail pergi merantau ke Samudera dengan tujuan mengislamkan orang Samudera sebagai memenuhi pesanan Rasulullah SWT Semasa merantau dan belayar ke Samudera, Syeikh Ismail singgah di Menggiri. Mengikuti sejarah Menggiri, Sultan Muhamad adalah keturunan daripada Abu Bakar Al-Siddiq. Sosiobudaya purba pula berkembang antara budaya Arab dan Melayu. Merantau di sini bertujuan mengembangkan agama Islam.

Merantau atau penghijrahan juga berlaku semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kerajaan Melayu Melaka bermula pada abad ke-15. Ketika itu, Melaka sebagai pusat perkembangan agama Islam. Perkara ini ada dijelaskan dalam buku *Sejarah Melayu* yang memperlihatkan perkembangan kesusasteraan Melayu pada zaman tersebut. Melaka sebagai sebuah pusat pelabuhan dan kota perdagangan tidak sahaja berkembang sebagai pusat kegiatan keilmuan, tetapi berpengaruh dalam pelbagai bidang pengetahuan khususnya keislaman. Dalam konteks inilah bidang kesusasteraan juga turut berkembang pada masa itu. Tradisi keilmuan yang berkembang di Melaka pada masa itu tidak terhad pada negeri itu sahaja. Sebagai pusat dagang, Melaka turut menyebarkan budaya ilmu ke negeri-negeri lain. Menurut Wilbert Scott (1962) dalam teori sejarahnya menerangkan sebab, akibat, dan bagaimana suatu peristiwa terjadi dan perkembangan tersebut terjadi. Begitu juga dengan kemasyhuran Melaka sebagai pusat perdagangan Islam, ianya bermula dari Pasai, Islam berkembang ke Melaka dan dengan itu membina Kesultanan Melaka. Menurut Windstedt dalam buku *Kesusasteraan Melayu Tradisional* (2006:51), Abdullah Ibn Muhamad Ibn Abdul Kadir Ibn Abdul Aziz Al Mansur Abu Ghafar Al Abbasi Al Mutazir merantau ke negeri Pasai dari negeri Arab untuk menjadi pendakwah bagi mengembangkan agama Islam. Dari Pasai, Islam terus berkembang ke Melaka. Implikasi kedatangan pendakwah Islam ke Pasai seterusnya ke Melaka, merubah Melaka sebagai pusat kemasyarakatan dan perkembangan Islam yang termasyhur di alam Melayu.

Selain itu, implikasi dari perbuatan merantau juga membawa kepada pengenalan satu ideologi yang rasional, radikal dan progresif dalam aspek pemerintahan dan pentadbiran seperti yang terdapat dalam pemerintahan Kesultanan Melaka ketika itu. Biasanya

orang yang pergi merantau mestilah ada ilmu di dada sama ada ilmu dunia atau ilmu akhirat. Ilmu dunia ialah seperti ilmu sosial, perdagangan, perundangan, ekonomi dan perhubungan diplomatik. Manakala ilmu akhirat pula ialah ilmu agama.

Seterusnya dalam buku *Sejarah Melayu* ada mengisahkan pengembaraan Cheng Ho ke Melaka pada abad ke-15. Laksamana Cheng Ho merupakan ahli diplomatik yang membuat perhubungan diplomatik di antara China dengan Melaka. Selain menjadi ahli diplomatik, Cheng Ho menjadi perantau yang ingin menimba ilmu pengetahuan dan mengembangkan perniagaan. Hasil daripada pengembaraan Cheng Ho, dia mendapati bahawa Melaka sebuah negara yang kaya dan rajanya memerintah dengan adil. Orang Cina semakin ramai tertarik hati hendak datang ke Melaka untuk berniaga selepas mendengar cerita Cheng Ho. Kedatangan orang Cina banyak mengubah sosiobudaya orang Melayu melalui perkahwinan campur dan perdagangan. Contohnya, Sultan Melaka sendiri melamar Puteri Hang Li Po untuk dijadikan permaisuri. Implikasi daripada perkahwinan ini mengeratkan lagi hubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Selain itu, implikasinya ialah wujud perkampungan Baba dan Nyonya di Melaka hingga sekarang ini. Perkara ini dikaitkan dengan sejarah Kesultanan Melaka. Sama juga seperti kaum Cina, kaum India juga bukanlah penduduk asal negeri Melaka. Kemasukan masyarakat India ke Tanah Melayu sudah berlaku sekian lama. Sama ada kemasukan itu suatu bentuk penghijrahan atau sekadar merantau mencari rezeki, hakikatnya kemasukan ini sudah berlaku sejak sekian lama. Apabila Melaka muncul sebagai pusat perdagangan serantau menjelang abad ke-15, masyarakat India yang terdiri daripada golongan pedagang, sami Buddha dan Hindu, tukang dan sebagainya tidak terlepas peluang untuk memasuki Tanah Melayu dengan pelbagai kepentingan. Kemasukan mereka ini juga sudah pasti membawa bentuk adat istiadat mereka yang tersendiri.

Masyarakat India biasanya mengikuti adat resam yang berteraskan agama Hindu meskipun ramai orang India pada hari ini beragama lain. Seperti kaum-kaum di Melaka ketika itu, mereka juga mempunyai budaya berkunjung ke rumah rakan dan sanak saudara serta turut bersedia menerima kunjungan jiran tetangga. Dalam masyarakat India, jika ingin berkunjung ke rumah tetamu, amatlah digalakkan membawa buah tangan sebagai tanda terima kasih kepada tuan rumah. Mereka juga biasanya melangkah ke dalam rumah dengan kaki kanan dahulu. Begitu juga dengan budaya orang Melayu di Melaka ketika itu. Pengkaji mendapati bahawa implikasi daripada perbuatan merantau menghasilkan percampuran sosiobudaya. Contohnya, percampuran sosiobudaya Melayu, Cina dan India yang terdapat di Melaka hingga kini.

Dalam *Hikayat Hang Tuah* ada menceritakan kedatangan seorang saudagar dari Benua Keling yang pergi merantau ke Melaka bukan untuk berniaga atau mencari harta dunia tetapi merantau untuk mencari raja yang layak untuk dinobatkan sebagai raja di Benua Keling. Kebetulan saudagar itu bertemu dengan Tuanku Syah Alam untuk dirajakan di Benua Keling. Implikasi daripada perbuatan merantau yang dilakukan oleh saudagar Benua Keling ini mengubah sosiobudaya Benua Keling dari tiada raja kepada ada raja dan mempunyai percampuran adat resam di antara Benua Keling dengan Melaka. Hidup rakyat lebih terbela dengan adanya raja.

Hikayat Hang Tuah yang terdapat dalam *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* ada mengisahkan Raden Inu Daha yang bernama Raden Wira Nantaja mengembara atau merantau mencari saudaranya Raden Galoh Cendera Kirana yang berasal dari Jawa. Raden Wira Nantaja mengembara ke Tanah Melayu iaitu ke negeri Melaka. Di Melaka, Raden Wira Nantaja yang tampan menjadi gilaan ramai perempuan. Apabila ditanya oleh Raja Melaka, Raden Wira Nantaja mahu menjadi hamba ke bawah duli Yang Dipertuan seperti Paman Pateh Karma Wijaya yang berasal dari Majapahit. Menurut Wilbert Scott (1962), dalam pengertiannya secara konvensional sejarah adalah cerita (naratif) tentang peristiwa pada masa lalu. Samalah dengan apa yang terdapat dalam *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* khususnya *Hikayat Hang Tuah*. Pengkaji mendapati dalam hikayat ini terungkap fakta mengenai apa, siapa, bila, di mana dan bagaimana sesuatu telah terjadi. Implikasi yang terdapat dari pengembaraan Raden Wira Nantaja ke Melaka ialah dia sanggup mengabdikan diri kepada ke bawah duli Tuanku Syah Alam, raja negeri Melaka ketika itu.

Pada abad ke-17, Aceh merupakan puncak kegemilangan zaman pemerintahan Raja Aceh. Faktor yang mendorong perkembangannya ialah raja Aceh menggalakkan orang yang merantau terdiri daripada cendekiawan tinggal lama atau menetap di Aceh untuk mengembangkan dan menyampaikan ilmu pengetahuan mereka kepada rakyat Aceh. Implikasi dari merantau di sini, dapat mengembangkan ilmu, terutamanya ilmu agama, dapat melahirkan ramai pelajar yang cerdas dan diberikan peluang melanjutkan pelajaran ke India, Mekah dan Mesir. Selain itu dapat melahirkan penulis-penulis yang menghasilkan kitab-kitab pengetahuan agama Islam yang meliputi ilmu tasawuf, ilmu kalam, falsafah dan seterusnya karya-karya kreatif yang mengisi khazanah kesusasteraan Melayu.

Tambahan lagi, pusat perkembangan kesusasteraan Melayu muncul dalam masa yang terkemudian iaitu zaman Kesultanan Melayu Riau Lingga, sekitar pertengahan abad ke-19. Pada masa ini Bahasa Melayu telah mencapai kedudukan yang cukup mantap

sebagai bahasa ilmu untuk semua bidang. Pertubuhan institusi pendidikan sesebuah persatuan budaya dan sastera telah memberikan kesan dalam memperkayakan lagi khazanah kesusasteraan Melayu tradisional dengan harga yang lebih mantap, indah dan bermutu.

Pada zaman Kesultanan Riau Lingga, orang Bugis yang diketuai oleh Upu Baliman pergi merantau ke Riau Lingga dengan tujuan hendak berniaga tetapi kemudiannya telah berlaku campur tangan dalam politik dan pemerintahan. Seorang daripada Upu Belima iaitu Daeng Marewang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Muda Riau (1721-1928) kemudian digantikan oleh adiknya Daeng Calok. Pada tahun (1805-1881) Yang di-Pertuan Muda Raja Jaafar memerintah. Beliau menjadikan Pulau Penyengat sebagai pusat pentadbiran yang makmur. Implikasi daripada perbuatan merantau Upu Belima dan orang-orangnya dari Bugis ke Riau Lingga, Riau menjadi pusat intelektual yang terkemuka. Pengarang-pengarang daripada golongan keluarga diraja ini telah menghasilkan karya-karya yang tinggi nilainya. Menurut Harun Mat Piah, Ismail Hamid dan Siti Hawa Salleh et.al (2006:54) karya-karya yang tinggi nilainya ialah *Aturan Setia Bugis dengan Melayu*, *Taufat Al-Nafis* dan *Salasilah Melayu dan Bugis*.

Selain menghasilkan karya-karya ilmu dan kreatif, penulis-penulis Bugis ini juga memperlihatkan tradisi yang unik dalam hubungan budaya Melayu nusantara dengan menyimpan buku-buku catatan atau diari. Melalui buku-buku catatan ini terdapat maklumat mengenai berbagai-bagai aspek kehidupan budaya pada masa itu. Pengkaji mendapati sejarah *Riau Lingga* oleh Wilbert Scott (1962) bertepatan dengan teori sejarah yang diperkenalkan dan dikatakan memberi peluang untuk membuat perbandingan dari segi struktur kemasyarakatan, psikologi dan sebagainya di samping dapat mengenali dan memahami nilai-nilai hidup yang diamalkan oleh setiap generasi yang memerintah berdasarkan zamannya.

Hikayat Merong Mahawangsa juga merupakan sebuah hikayat yang terdapat dalam *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Hikayat ini bermula apabila seorang raja dikatakan berasal dari negara Rom. Nama raja ini ialah Raja Merong Mahawangsa. Beliau merantau atau belayar ke Benua China bersama puteranya yang hendak dikahwinkan dengan puteri raja China. Namun cita-citanya tidak kesampaian. Kapalnya diserang oleh burung geroda dan pecah. Implikasi kepada pelayaran angkatan Raja Merong Mahawangsa yang diserang geroda mengakibatkan pembukaan negeri di timur Pulau Serai dan kota istananya dinamakan Langkasuka yang terletak di negeri Kedah. G. Coedes (1968:39)

menyatakan bahawa I Tsing dalam tulisan tentang pelayarannya ada menyebut dalam tahun 692, Langkasu telah wujud. Hal ini menunjukkan wujudnya suatu kerajaan di Kedah sejak abad pertama Masihi lagi atau sekurang-kurangnya telah wujud penempatan. Pengkaji mendapati akibat daripada perbuatan merantau dapat meluaskan ilmu pengetahuan seseorang dan dapat mencatat peristiwa-peristiwa yang berlaku ketika pengembaraan. Melalui cara ini dapat merekodkan tarikh dan peristiwa sejarah untuk dijadikan khazanah sejarah sesebuah negeri.

Misa Melayu juga merupakan buku yang terdapat dalam *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Dalam *Misa Melayu* ada menceritakan pelayaran Sultan Selangor ke negeri Perak atas jemputan Sultan Perak. Implikasi daripada pelayaran atau perbuatan merantau, Sultan Selangor ini, beliau ditabalkan menjadi raja. Baginda digelar Sultan Salehuddin serta dikurniakan baginda cap istimewa. Sultan Salehuddin telah berkahwin dengan anak saudara Sultan Mahmud Syah. Hasil daripada perkahwinan ini telah membentuk percampuran adat resam orang Selangor dan Perak. Dalam kajian ini pengkaji mendapati bahawa sejarah konvensional yang deskriptif, naratif kurang berhasil dalam mengungkapkan suatu fenomena dari peristiwa sejarah untuk mendekati sejarah yang sebenar. Dalam sejarah konvensional yang ditulis biasanya hanya peristiwa-peristiwa politik, tokoh-tokoh terkenal, lembaga politik dan peperangan. Masalah sosiobudaya jarang diperkatakan.

Kesimpulannya, sepintas lalu tentang implikasi merantau terhadap perkembangan sosiobudaya masyarakat Melayu dalam *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* dari perspektif sejarah, implikasi atau kesan dari merantau banyak memberikan kebaikan kepada seseorang, masyarakat, negeri, dan bangsa. Semasa merantau seseorang akan dapat menimba ilmu pengetahuan dan dapat mencurahkan ilmu yang ada pada orang lain. Contohnya dalam mengembangkan agama Islam, alim ulama merantau atau mengembara dari sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain. Selain niat mengembangkan agama Islam, mereka juga berniaga. Melaka bukan sahaja sebagai pusat mengembangkan agama tetapi sebagai pusat pelabuhan, kota perdagangan, pusat kegiatan ilmu dan pelbagai bidang ilmu pengetahuan termasuklah bidang kesusasteraan. Begitu juga dengan negeri-negeri lain maju disebabkan proses merantau berlaku di mana-mana sahaja. Perantau atau pengembara inilah yang membawa kemajuan dan kemodenan serta merubah sosiobudaya orang Melayu sesebuah tempat atau negeri yang terdapat dalam *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*.

RUJUKAN

- _____, 2009. *Kamus Besar Indonesia III*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- _____, 2001. *Kamus Za'ba*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, 1989. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Charles E. Bressler, 1999. *Introduction: History, Power, and Politics in Theories*. Edinburgh: Edinburgh University Press,
- G. Coedes, 1968. *The Indianized States of South East Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh et.al, 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hoesein Djajadiningrat, 1965. *An Introduction to Indonesian Historiography*. New York: Cornell University Press.
- Mana Sikana, 2005. *Teori Sastera Kontemporari*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Mohd Taib Osman, 1964. *Tuhfat al-Nafis-Corak Historiografinya: Persamaan dan Penyimpangan dari Tradisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman, 1988. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mumandar Saelemen MS, 1968. *Ilmu Sosial Dasar: Teori dan Konsep Ilmu Sosial Edisi Revisi*. Bandung: Penerbitan PT Eresco.
- Ramli Isin, 1987. *Riak dan Gelombang Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidi Ghazalba, 1967. *Pengantar Kebudayaan sebagai Ilmu Buku II*. Jakarta: Pustaka Antara.
- Wan Azmi Ramli, 1992. *Pembangunan Masyarakat dari Perspektif Kebajikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahrah Ibrahim, 1986. *Sastera Sejarah Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zalila Sharif dan Junaidah Haji Ahmad, 1993. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://www.scribbd.com/doc/37242193bab2masyarakatmalaysiadalamsejarah-09111702..1/6/2011>
- <http://id.shvoong.com/writing-and-speaking/2067477-definisi-hijrah/>
- <http://hikayatmanusia.wordpress.com/20/10/08/02/definisi-merantau>